

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN : 54

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian dijangka akan melaksanakan projek-projek yang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang seperti pembinaan LRT (Light Rail Transit) dari Georgetown ke Seberang Perai seperti yang dijanjikan dalam kempen Pilihan Raya Umum ke 14.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu projek yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan adalah projek LRT Pulau Pinang. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mengkaji cadangan projek LRT yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan memandangkan depot bagi projek ini terletak di atas pulau yang akan ditambak, SPAD telah meminta Kerajaan Negeri untuk mengemukakan kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi projek tambak pulau tersebut untuk pertimbangan SPAD selanjutnya.